

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

GUAMAN SIVIL NO. BA-22NCVC-165-05/2023

ANTARA

TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

(No. K/P:

...PLAINTIF

DAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

(No. K/P:

...DEFENDAN

PEMBELAAN / DEFENCE

Tetuan Thomas Philip

Peguamcara untuk Defendan

No. 5-1, Jalan 22A/70A,

Wisma CKL,

Desa Sri Hartamas,

50480 Kuala Lumpur.

No. Tel.: 03-6201 5678

[No. Ruj.: 16.5654]

JADUAL KANDUNGAN

PENDAHULUAN	4
Pengenalan	4
 FAKTA-FAKTA LATAR BELAKANG MATERIAL	 4
Pihak-Pihak	4
Kongres Nasional Khas PKR 2023	6
Penerbitan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan	8
 RUJUKAN KEPADA PLAINTIF	 10
 IMPUTASI YANG DIDAKWA TIMBUL DARIPADA PERNYATAAN- PERNYATAAN YANG DIPERTIKAIKAN	 11
 PEMBELAAN	 12
Guaman ini Difailkan oleh Plaintiff dengan Motif Tersembunyi – Penyalahgunaan Proses	 12
Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut adalah untuk Menjawab Serangan oleh Plaintiff	 14
Reputasi Plaintiff Tidak Boleh Diturunkan/Direndahkan	 20
Justifikasi	 21
<i>Tajuk B dan Perenggan-Perenggan 18 hingga 21 Tuntutan</i>	 <i>21</i>
<i>Tajuk C dan Perenggan-Perenggan 22 – 26 Tuntutan</i>	 <i>26</i>
(i) <i>‘Bail-Out’ untuk KPB Semasa Krisis Kewangan Asia Pada 1997</i>	 <i>26</i>
(ii) <i>Pemberian Kontrak Secara Langsung kepada Opcom Sdn Bhd</i>	 <i>34</i>
(iii) <i>Pemberian Kontrak Oleh Telekom kepada Opcom Cables Sdn Bhd</i>	 <i>36</i>
(iv) <i>Pemberian Lesen Fabrikasi (‘Fabrication License’) kepada Kencana Petroleum Berhad</i>	 <i>38</i>
(v) <i>Sokongan dan/atau Galakan Plaintiff Terhadap Kronisme</i>	 <i>39</i>
<i>Tajuk-Tajuk D dan E, Perenggan-Perenggan 27 hingga 33 dan 34 hingga 39 Tuntutan</i>	 <i>54</i>

Tajuk F, Perenggan-Perenggan 40 hingga 45 dan 46 hingga 49 Tuntutan tersebut	59
Tajuk H dan I, perenggan-perenggan 50 hingga 54 dan 55 hingga 62 tuntutan	62
Komen yang Adil (<i>'Fair Comment'</i>)	63
Perlindungan Bersyarat (<i>'Qualified Privilege'</i>)	67
Defendan Merujuk kepada Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan	72
Reputasi Plaintif Masa Kini	72
KESIMPULAN	79

PENDAHULUAN

Pengenalan

1. Pembelaan ini difailkan tanpa prejudis kepada hak Defendan untuk memfailkan sebarang permohonan interlocutori yang relevan, termasuk (tetapi tidak terhad kepada), permohonan untuk membatalkan Writ Terpinda dan Pernyataan Tuntutan Terpinda Plaintif kedua-duanya bertarikh 05.05.2023 (**“Tuntutan” tersebut**).

FAKTA-FAKTA LATAR BELAKANG MATERIAL

Pihak-Pihak

2. Perenggan-perenggan 1 dan 2 Tuntutan tersebut adalah diakui.
3. Plaintif adalah bekas Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh. Dalam hal ini, tempoh Plaintif memegang jawatan sebagai Perdana Menteri adalah seperti berikut:-
 - 3.1 Sebagai Perdana Menteri keempat: 16.07.1981 hingga 30.10.2003; dan
 - 3.2 Sebagai Perdana Menteri ketujuh: 10.05.2018 hingga 24.02.2020.

4. Plaintiff juga adalah bekas Menteri Kewangan Malaysia dari tempoh 02.09.1998 hingga 07.01.1999 dan 05.06.2001 hingga 02.11.2003.
5. Sebagai Menteri Kewangan dalam tempoh yang dinyatakan di atas, Plaintiff adalah bertanggungjawab atas, antara lain, hasil dan perbelanjaan kerajaan, menyelia dasar ekonomi dan fiskal, serta memantau pengurusan kewangan Kementerian-Kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun.
6. Plaintiff juga adalah Ahli Parlimen yang dipilih bagi kawasan pilihan raya berikut pada tempoh masa yang dinyatakan di bawah:-
 - 6.1 Langkawi: Mei 2018 hingga Oktober 2022;
 - 6.2 Kubang Pasu: Ogos 1974 hingga Mac 2004; dan
 - 6.3 Kota Setar Selatan: April 1964 hingga Mei 1969.
7. Defendan adalah Perdana Menteri Malaysia semasa. Beliau dilantik sebagai Perdana Menteri oleh Yang Di-Pertuan Agong pada 24.11.2022.
8. Defendan juga adalah Ahli Parlimen Tambun semasa. Beliau telah menjadi wakil rakyat yang dipilih dan Ahli Parlimen selama lebih

kurang 40 tahun yang meliputi beberapa kawasan pilihan raya yang berbeza.

9. Defendan juga adalah bekas Menteri Kewangan Malaysia dari tempoh 15.03.1991 hingga 02.09.1998. Beliau juga memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dari tempoh 01.12.1993 hingga 02.09.1998.

Kongres Nasional Khas PKR 2023

10. Pada 18.03.2023, sebuah parti politik yang dikenali sebagai Parti Keadilan Rakyat ("**PKR**") telah mengadakan sebuah acara yang dikenali sebagai "*Kongres Nasional Khas PKR 2023, Malaysia Madani: Pelaksanaan Sebuah Idealisme*" di Stadium Malawati, Shah Alam ("**Kongres Nasional Khas PKR**" tersebut) .
11. Semasa Kongres Nasional Khas PKR, Defendan telah memberikan ucapan dalam kapasitinya sebagai Presiden PKR, Ahli Parlimen Tambun dan sebagai Perdana Menteri, yang disiarkan secara langsung di laman Facebook Defendan dan juga akaun YouTube PKR ("**Ucapan**" tersebut). Dalam hal ini, Defendan telah membuat, antara lain, pernyataan-pernyataan berikut:-

"...Ada orang sekarang setelah 22 tahun campur 22 bulan jadi kuasa pegang kuasa sekarang mengeluh Melayu hilang segala-galanya. Hilang harta, hilang saham, hilang

bagaimana tidak hilang kalau kamu bolot untuk keluarga kamu dan anak-anak kamu dan sekarang bila hilang kuasa bicara soal rakyat?

Jangan perbodohkan rakyat. Rakyat harus bangkit mempertahankan hak mereka. Kumpulkan Tun-Tun, Tan Sri-Tan Sri, tauke-tauke besar, ini beberapa kerat orang sekarang merencana untuk menggugat menggunakan sentimen kaum, mengajak orang-orang Melayu benci pada kaum-kaum lain menyatakan bahawa kuasa hilang. Kamu pegang tampuk kuasa termasuk kerajaan tiga tahun baru-baru ini, mana dia RUU355.

Mananya projek peningkatan dana untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah? Belanjawan tahun ini yang meningkatkan jumlah kewangan untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Tentunya lebih untuk Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak ketinggalan dalam banyak bidang. Jadi saudara-saudara harus waspada patriotisme, racism, religious bigotry, combined are the last refuge of the scoundrel. Bila hilang kuasa, bila dicabar, bila takut dengan serangan SPRM, dan lembaga hasil dalam negeri. Kamu kaya berbillion-billion cukai tak mahu bayar. Bawa lari keluar negara dan minta saya jadi Perdana Menteri apa. Saya mahu jadi bengong biarkan ini dan kutip cukai daripada rakyat. Saya akan kutip cukai daripada rakyat, tapi saya tak akan lepaskan tauke-tauke dan maha kaya daripada membayar cukai..."

(pernyataan-pernyataan yang digariskan di atas dirujuk secara kolektif sebagai **“Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan”** tersebut)

12. Pada 27.03.2023, peguamcara Plaintiff telah mengeluarkan surat tuntutan kepada Defendan yang menyatakan, antara lain, bahawa Defendan telah memfitnah Plaintiff melalui penerbitan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut (**“Surat Tuntutan” tersebut**) .
13. Pada 17.04.2023, Peguamcara Defendan telah membalas kepada surat tersebut dan menyatakan bahawa Defendan akan menjawab segala tuduhan yang terkandung dalam Surat Tuntutan tersebut dalam Mahkamah kerana Defendan tidak mahu membuat litigasi melalui surat-menyurat.
14. Pada 03.05.2023, Plaintiff telah memfailkan tindakan ini terhadap Defendan.

Penerbitan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan

15. Perenggan 4 Tuntutan tersebut diakui hanya setakat bahawa Defendan telah menyampaikan Ucapan tersebut di Kongres Nasional Khas PKR dan ucapan yang sama telah disiarkan secara langsung di laman Facebook Defendan dan juga di akaun YouTube PKR.

16. Perenggan 5 Tuntutan adalah dinafikan. Defendan menyatakan bahawa teks yang diplidkan oleh Plaintiff di dalam perenggan tersebut adalah tidak betul dan/atau tidak tepat. Plaintiff juga telah gagal untuk memplidkan teks verbatim Ucapan tersebut yang disampaikan oleh Defendan.
17. Defendan seterusnya menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut harus dilihat dalam konteks keseluruhan ucapan tersebut. Transkrip untuk keseluruhan ucapan yang dibuat oleh Defendan semasa Kongres Nasional Khas PKR dilampirkan sebagai **Lampiran A** kepada Pembelaan ini.
18. Defendan tidak mempunyai pengetahuan tentang perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 6 Tuntutan tersebut dan meletakkan Plaintiff atas beban bukti yang kukuh. Defendan juga menyatakan bahawa beliau tidak bertanggungjawab ke atas dan/atau tidak mempunyai liabiliti untuk penerbitan semula Ucapan tersebut dan/atau Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut oleh pihak-pihak ketiga di media sosial atau mana-mana portal lain.

RUJUKAN KEPADA PLAINTIF

19. Perenggan 7 dan 8 Tuntutan tersebut diakui hanya setakat bahawa kenyataan "*ada orang sekarang, 22 tahun campur 22 bulan jadi kuasa...*" adalah merujuk kepada Plaintiff.
20. Perenggan-Perenggan 10 hingga 15 Tuntutan tersebut adalah diakui hanya setakat mana ia konsisten dengan perkara-perkara yang diplidkan dalam perenggan-perenggan 12, 13 dan 14 di atas, serta kandungan Surat Tuntutan dan surat Peguamcara Defendan bertarikh 17.04.2023.
21. Tajuk A, perenggan-perenggan 16 dan 17 Tuntutan tersebut adalah dinafikan. Defendan menyatakan bahawa terdapat bahagian-bahagian daripada Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut yang jelas tidak merujuk kepada Plaintiff seperti yang dijelaskan di bawah dalam perenggan-perenggan 84, 89, 93 dan 94.
22. Defendan seterusnya menyatakan bahawa Tuntutan tersebut adalah cacat kerana Plaintiff telah gagal untuk memplidkan secara betul maksud-maksud fitnah yang kononnya timbul daripada Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut.

**IMPUTASI YANG DIDAKWA TIMBUL DARIPADA PERNYATAAN-
PERNYATAAN YANG DIPERTIKAIKAN**

23. Defendan menafikan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan seperti yang diplidkan dalam Tuntutan tersebut adalah memfitnah Plaintiff memandangkan pembelaan yang diplidkan di sini.
24. Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut tidak dapat dalam perkataan-perkataan semula jadi dan/atau maksud biasa dan/atau dengan innuendo membawa, mampu membawa atau difahami untuk membawa maksud-maksud yang diplidkan dalam Tuntutan tersebut.
25. Defendan menegaskan bahawa Plaintiff telah secara tidak beralasan (*'unjustifiably'*) bergantung kepada pentafsiran tegang (*'strained construction'*) Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut. Pernyataan tersebut, difahami dalam konteks keseluruhan ucapan tersebut, dengan atau tanpa merujuk kepada peristiwa-peristiwa terkenal (*'notorious events'*) yang dihebahkan secara meluas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, budaya naungan politik semasa pemerintahan Plaintiff sebagai Perdana Menteri, yang telah berlaku sehingga masa penerbitan, secara munasabah akan difahami membawa maksud-maksud

alternatif dan/atau kurang (*'lesser'*) seperti yang dihidkan di bawah.

26. Peristiwa-peristiwa yang terkenal (*'notorious events'*) tersebut sehingga masa penerbitan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan adalah terkandung dalam laporan media, tindakan undang-undang dan sebarang kenyataan lain dan/atau maklumat yang tersedia secara umum, dan harus dibaca bersama dengan pembelaan yang dihidkan selepas ini.

PEMBELAAN

Guaman ini Difailkan oleh Plaintiff dengan Motif Tersembunyi – Penyalahgunaan Proses

27. Pada awalnya, Defendan menyatakan bahawa guaman ini adalah penyalahgunaan proses mahkamah kerana ia telah difailkan oleh Plaintiff dengan tujuan dan/atau motif tersembunyi. Dalam hal ini:-

27.1 Pernyataan-pernyataan dan/atau perkataan-perkataan yang serupa dengan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut telah disebut dan/atau dibuat secara terbuka terhadap Plaintiff untuk bertahun-tahun, melalui pelbagai penerbitan dan juga oleh ahli-ahli masyarakat yang terkenal,

sebelum penerbitan Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut;

27.2 Dalam perkara ini, pernyataan-pernyataan dan/atau perkataan-perkataan yang serupa tersebut juga telah dibuat semasa Plaintiff adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia ;

27.3 Walaupun pernyataan-pernyataan dan/atau perkataan-perkataan yang serupa telah dibuat terhadap Plaintiff pada masa yang lalu, Plaintiff tidak mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap orang-orang yang membuat dan/atau penerbit-penerbit perkataan-perkataan dan/atau pernyataan-pernyataan tersebut;

27.4 Tindakan ini telah difailkan dengan tujuan untuk melemahkan kredibiliti Defendan sebagai Perdana Menteri semasa serta Kerajaan Persekutuan semasa, dan untuk mewujudkan perpecahan kaum memandangkan pilihan raya negeri yang akan datang bagi Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Kedah;

27.5 Plaintiff telah baru-baru ini membuat banyak serangan umum yang tidak berasas terhadap Kerajaan Persekutuan semasa yang dipimpin oleh Defendan semata-mata untuk

melemahkan/menjejaskan kredibiliti mereka memandangkan pilihan raya negeri yang akan datang bagi Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Kedah;

27.6 Ini adalah terbukti oleh Sijil Perakuan Segera bertarikh 03.05.2023 yang difailkan Plaintiff yang menyatakan bahawa tindakan ini mesti dilupakan secepat mungkin memandangkan pilihan raya negeri yang akan datang; dan

27.7 Defendan juga akan merujuk dan bergantung kepada butir-butir dalam perenggan-perenggan 28 hingga 28.10 di bawah.

Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut adalah untuk Menjawab Serangan oleh Plaintiff

28. Defendan selanjutnya menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan yang Dipertikaikan tersebut, setakat mana pernyataan tersebut merujuk kepada Plaintiff (seperti yang dijelaskan di bawah dalam perenggan-perenggan 32 hingga 95), adalah jawapan kepada serangan yang bertubi-tubi, tidak berasas dan berniat jahat oleh Plaintiff terhadap Defendan dan/atau Kerajaan Persekutuan semasa yang dipimpin oleh Defendan.

Butir-Butir Jawapan Kepada Serangan

- 28.1 Dalam benang Twitter (*'Twitter thread'*) bertarikh 25.01.2023, Plaintiff telah mengkritik bahawa keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 ("**PRU 15**") adalah korup akibat rasuah-rasuah yang ditawarkan oleh Defendan dan kempen-kempen mahal yang dijalankan oleh pakatan beliau (Pakatan Harapan). Tambahannya, Plaintiff telah mendakwa bahawa rasuah-rasuah dan kempen-kempen yang mahal tersebut adalah hasil daripada jumlah wang yang besar yang kononnya dicuri oleh Defendan;
- 28.2 Pada atau sekitar 01.03.2023, Plaintiff telah mengadakan sidang media, yang disiarkan dalam laporan-laporan berita, di mana beliau telah membuat pernyataan-pernyataan yang tidak berasas dan yang bermotifkan perkauman terhadap Defendan dan Kerajaan Persekutuan semasa. Melalui pernyataannya, Plaintiff telah menuduh bahawa orang Melayu di negara ini telah diketepikan dan kepentingan mereka tidak lagi menjadi keutamaan kerajaan yang kononnya dikuasai oleh orang bukan-Melayu;
- 28.3 Pada 04.03.2023, Plaintiff dilaporkan telah mengadakan satu lagi sidang media selepas acara di Yayasan

Kepimpinan Perdana, di mana beliau dilaporkan telah berkata, antara lain, bahawa:-

- (a) Beliau telah menyertai parti politik yang dikenali sebagai PUTRA kerana ia adalah platform untuk beliau memperjuangkan untuk orang Melayu yang telah kehilangan kuasa politik, di mana beliau telah melabelkan yang sama sebagai 'satu situasi yang berbahaya';
- (b) Orang Melayu tidak pernah menguasai ekonomi;
- (c) Tidak ada sebarang perubahan yang ketara (*'noteworthy'*) dalam tempoh masa 100 hari Defendan menjadi Perdana Menteri ; dan
- (d) Bahawa Defendan hanya berjanji untuk membuat perubahan bagi isu-isu yang berkaitan dengan pemulihan ekonomi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Namun, keputusannya masih belum dapat dilihat.

28.4 Pada 09.03.2023, Plaintif dalam satu benang Twitter (*'Twitter thread'*) telah mengkritik bahawa kepelbagaian kaum di negara ini telah mewujudkan meritokrasi di mana

orang bukan Melayu yang berkebolehan, kukuh dari segi kewangan, dengan rangkaian perniagaan yang baik dan berpengalaman akan mendapat banyak manfaat di atas pengorbanan orang Melayu;

28.5 Pada 10.03.2023, Plaintiff telah mengeluarkan kenyataan umum kepada semua orang dan menyatakan, antara lainnya, bahawa kerajaan berbilang kaum sekarang akan menyebabkan orang Melayu hilang kuasa di negara sendiri;

28.6 Pada 13.03.2023, 12 proklamasi telah dibacakan oleh Plaintiff dalam satu sidang media. Proklamasi yang berkenaan adalah seperti berikut:-

- (a) Orang Melayu tidak pernah menguasai ekonomi negara ini. Gerai-gerai kecil mereka pun sudah diambil orang;
- (b) Mutakhir, satu-satunya kuasa yang ada iaitu politik juga terlucut dari tangan mereka;
- (c) Nasib orang Melayu kini dan akan datang tidak lagi dapat ditentukan oleh mereka;

- (d) Lemahnya Melayu sehingga kedaulatan tanah air ini pun bakal terlepas dari tangan mereka;
- (e) Masa depan Melayu kini amat gelap. Kemiskinan memaksa orang Melayu menjual tanah-tanah mereka;
- (f) Pemulihan bangsa Melayu hanya akan berjaya jika mereka kembali bersatu; dan
- (g) Menyelamatkan bangsa itu adalah kewajipan dan bukannya perkauman. Namun, ia akan menjadi perkauman jika bangsa itu dibiarkan tidak lagi relevan.

28.7 Pada 16.03.2023, kumpulan yang dikenali sebagai Sekretariat Tanah Air mengumumkan bahawa Plaintiff akan menjadi tetamu kehormat untuk majlis pelancaran perhimpunan Pro-Melayu (bersentrikan-melayu dan bersifat eksklusif) yang dikenali sebagai 'Proklamasi Melayu' (**“Perhimpunan Proklamasi Melayu”** tersebut) yang pada asalnya dijadualkan untuk berlangsung pada 19.03.2023. Dalam hal ini, Plaintiff telah mengeluarkan jemputan terbuka kepada semua orang Melayu di laman Facebook dan Twitter miliknya serta laman Facebook 'Proklamasi Melayu', dengan menyatakan seperti berikut:-

“KEPADA SEMUA ORANG MELAYU

Orang Melayu menghadapi kemungkinan hilang kuasa di Negara sendiri. Kerajaan yang ada sekarang ialah Kerajaan Pelbagai Kaum walaupun dipimpin oleh orang Melayu. Kepimpinan dan anggota Melayu ini tidak memberi tumpuan kepada masalah orang Melayu kerana itu akan ditakfir sebagai perkauman. Kepimpinan oleh orang Melayu yang bersikap berbilang kaum tidak akan tumpu kepada penyelesaian masalah Melayu. Tiba masanya kita bersama-sama mencapai satu ketetapan untuk pertahankan kelangsungan bangsa dan tanah air kita. Jemput hadir bersama saya.

Tun Dr Mahathir”

- 28.8 Sebagai langkah untuk membendung sentimen orang awam, pada 17.03.2023, Defendan terpaksa mengeluarkan arahan kepada pasukan keselamatan negara supaya berwaspada terhadap orang-orang yang membangkitkan sentimen-sentimen perkauman dan agama;
- 28.9 Defendan menyatakan bahawa pernyataan-pernyataan dan kelakuan Plaintiff yang dinyatakan di atas adalah satu serangan yang berniat jahat terhadap kredibiliti Defendan sebagai Perdana Menteri semasa dan/atau Kerajaan Persekutuan semasa. Ia juga adalah serangan terhadap Defendan dan/atau kebolehan Kerajaan Persekutuan semasa untuk melindungi, mengutamakan dan menaikkan

kepentingan-kepentingan orang Melayu dalam negara ini. Dalam perkara ini, pernyataan-pernyataan dan kelakuan Plaintiff jelas berpotensi untuk mencetuskan kontroversi dan menghasut sentimen-sentimen perkauman antara kaum-kaum dalam negara berbilang kaum; dan

- 28.10 Memandangkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, Defendan menyatakan bahawa keseluruhan kandungan Ucapan Defendan tersebut yang telah disampaikan semasa Kongres Nasional Khas PKR pada 18.03.2023 adalah tindak balas yang relevan terhadap serangan-serangan, pernyataan-pernyataan dan kelakuan Plaintiff seperti yang dinyatakan di atas. Dalam hal ini, Defendan berhak untuk menyangkal (*'rebut'*) serangan-serangan yang tidak berasas terhadap watak, integriti dan niat baik beliau sebagai Perdana Menteri dan/atau ke atas Kerajaan Persekutuan yang dipimpin Defendan. Ini juga adalah langkah yang diperlukan untuk menjawab dan menyangkal serangan-serangan tersebut.

Reputasi Plaintiff Tidak Boleh Diturunkan/Direndahkan

29. Berkenaan dengan perenggan 9 Tuntutan tersebut, Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan

tersebut tidak memfitnah Plaintiff dan tidak mampu membawa sebarang maksud fitnah sama sekali.

30. Berdasarkan perkara-perkara yang dihidkan di bawah dalam perenggan-perenggan 102 hingga 103, Defendan selanjutnya menyatakan bahawa tidak ada asas untuk tuntutan Plaintiff kerana Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut tidak menurunkan, mencederakan dan/atau mengurangkan reputasi Plaintiff dalam fikiran anggota masyarakat yang berfikiran betul (*‘in the mind of right thinking members of society’*), terutamanya orang awam Malaysia.

Justifikasi

31. Selanjutnya atau secara alternatif, Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut adalah benar dari segi substans dan/atau dari segi fakta. Jika diperlukan, Defendan akan bergantung kepada Seksyen 8 Akta Fitnah 1957.

Tajuk B dan Perenggan-Perenggan 18 hingga 21 Tuntutan

32. Tajuk B, perenggan-perenggan 18 hingga 21 Tuntutan tersebut adalah dinafikan kecuali bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang

Dipertikaikan tersebut yang diplidkan dalam tajuk B dan perenggan 18 merujuk kepada Plaintiff.

33. Defendan selanjutnya menyatakan bahawa tidak ada maksud fitnah yang timbul daripada Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut dalam perenggan 18 Tuntutan tersebut. Plaintiff juga telah gagal untuk memplidkan maksud-maksud fitnah yang kononnya timbul daripada yang sama.
34. Dalam apa jua keadaan, Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut dalam perenggan 18 Tuntutan tersebut tidak boleh dibaca atau difahami secara berasingan dan harus dibaca dalam konteks keseluruhan perenggan di bawah dan/atau Ucapan tersebut:-

“...Ada orang sekarang setelah 22 tahun campur 22 bulan jadi kuasa pegang kuasa sekarang mengeluh Melayu hilang segala-galanya. Hilang harta, hilang saham, hilang bagaimana tidak hilang kalau kamu bolot untuk keluarga kamu dan anak-anak kamu dan sekarang bila hilang kuasa bicara soal rakyat?”

35. Secara alternatifnya, Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut dalam perenggan 18 Tuntutan tersebut setakat mana ia mempunyai maksud fitnah (di mana dinafikan) bermaksud dan difahamkan untuk membawa maksud alternatif dan/atau kurang

(*'lesser meaning'*) seperti berikut, dan bukan sebarang maksud fitnah yang lain terhadap Plaintiff:-

35.1 Plaintiff hanya membangkitkan isu-isu mengenai kesusahan orang Melayu pada masa sekarang untuk melemahkan Kerajaan Persekutuan semasa;

35.2 Plaintiff hanya membangkitkan isu mengenai kesusahan orang Melayu dalam percubaan terdesak dan dalam apa jua kos, untuk mendapatkan semula kredibiliti dan relevansi politiknya;

35.3 Plaintiff membangkitkan isu-isu tersebut pada masa sekarang selepas menyatakan secara terbuka bahawa beliau akan memberi tumpuan untuk menulis tentang sejarah dan aktiviti-aktiviti dalam Malaysia selepas kegagalan beliau untuk mengekalkan statusnya sebagai Ahli Parlimen pada pilihan raya umum yang lepas; dan

35.4 Plaintiff kini membangkitkan isu-isu dan sentimen-sentimen sedemikian untuk melemahkan Kerajaan Persekutuan semasa memandangkan pilihan raya negeri yang bakal datang seperti yang dijelaskan di perenggan-perenggan 27.4 hingga 27.6 di atas; dan

- 35.5 Plaintiff kini membangkitkan isu-isu ini untuk melemahkan Defendan dan Kerajaan Persekutuan semasa selepas kekalahan hebat yang dialami oleh beliau dan partinya semasa pilihan raya umum yang lalu seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan 103.4 di bawah.
36. Defendan mengatakan bahawa setakat mana Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan 18 Tuntutan tersebut membawa maksud alternatif dan/atau kurang yang dinyatakan dalam perenggan 35 di atas, ia adalah benar dari segi substans dan/atau dari segi fakta.

Butir-Butir Justifikasi *Lucas-Box*

- 36.1 Perenggan-perenggan 28 hingga 28.10 (Butir-Butir Jawapan Kepada Serangan) di atas adalah diulangi;
- 36.2 Plaintiff, yang memegang jawatan Perdana Menteri selama 22 tahun dan 22 bulan, mempunyai peluang untuk mencipta dan melaksanakan dasar-dasar untuk menaikkan (*'uplift'*) orang Melayu. Sebaliknya, apabila tidak lagi berkuasa pada masa sekarang, beliau membangkitkan isu-isu ini sebagai usaha untuk melemahkan Defendan dan kekal relevan dari segi politik;

- 36.3 Plaintiff juga memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan untuk banyak tahun, di mana beliau mempunyai peluang untuk mencipta dan melaksanakan dasar-dasar untuk menaikkan orang Melayu. Sebaliknya, apabila tidak lagi berkuasa pada masa sekarang, beliau membangkitkan isu-isu ini dalam usaha untuk melemahkan Defendan dan kekal relevan dari segi politik;
- 36.4 Daripada mengutamakan kebajikan orang Melayu, tempoh Plaintiff sebagai Perdana Menteri dicemari dengan pelbagai kontroversi kewangan termasuk "*bail-out*" dan dasar penswastan yang memberi manfaat kepada beberapa orang terpilih, berbanding masyarakat Melayu keseluruhannya (*'as opposed to the Malay community at large'*);
- 36.5 Keadaan orang Melayu, yang begitu dikritik oleh Plaintiff sekarang, sebahagian besarnya adalah hasil kepimpinannya kerana beliau adalah Perdana Menteri yang paling lama berkhidmat di negara ini. Retorik semasa Plaintiff tidak pernah dipadankan dengan tindakannya semasa beliau memegang jawatan-jawatan berkuasa;
- 36.6 Pada 23.11.2022, Plaintiff telah menyatakan bahawa beliau akan menumpu perhatiannya kepada menulis sejarah

Malaysia selepas beliau mengalami kekalahan pertama dalam pilihan raya dalam tempoh lebih setengah abad; dan

36.7 Sekiranya perlu, Defendan akan bergantung kepada Seksyen 8 Akta Fitnah 1957.

37. Defendan merizabkan hak untuk meminda butir-butir di atas sebelum bicara penuh tindakan ini.

Tajuk C dan Perenggan-Perenggan 22 – 26 Tuntutan

38. Berkenaan dengan tajuk C dan perenggan-perenggan 22 hingga 26 Tuntutan tersebut, Defendan mengakui bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan yang dihidkan dalam perenggan-perenggan tersebut merujuk kepada Plaintiff. Namun, Defendan menafikan bahawa pernyataan-pernyataan tersebut adalah fitnah terhadap Plaintiff.

(i) *'Bail-Out' untuk KPB Semasa Krisis Kewangan Asia Pada 1997*

39. Pada tahun 1997, satu krisis kewangan telah melanda beberapa negara di Asia. Ini menyebabkan banyak mata wang Asia diturunkan nilai serta bank dan syarikat-syarikat menghadapi keruntuhan atau perlu diselamatkan (**"Krisis Kewangan Asia**

1997”). Dalam hal ini, Malaysia adalah salah satu negara yang terjejas akibat krisis kewangan tersebut.

40. Semasa Krisis Kewangan Asia 1997, terdapat banyak pengumuman oleh Kerajaan Malaysia di mana ia dinyatakan dan/atau dijanjikan bahawa kerajaan tidak akan membantu dari segi kewangan, menyelamatkan atau “*bail-out*” syarikat-syarikat Malaysia yang bermasalah dan/atau menghadapi kesusahan. Dalam hal ini:-

40.1 Pengumuman tersebut dibuat oleh dan/atau dengan kebenaran Plaintiff, yang merupakan Perdana Menteri pada tempoh tersebut; dan

40.2 Defendan juga telah membuat beberapa pengumuman dalam kapasiti beliau sebagai Menteri Kewangan.

41. KPB (*kini dikenali sebagai Pos Logistics Berhad*) adalah salah satu syarikat tempatan yang terjejas akibat Krisis Kewangan Asia 1997. Dalam perkara ini:-

41.1 Anak sulung Plaintiff, Mirzan adalah pemegang saham majoriti dan Pengarah KPB pada masa tersebut;

41.2 Aktiviti utama KPB pada masa tersebut adalah pembekalan perkhidmatan penghantaran dan pengangkutan kontena; dan

- 41.3 Liabiliti semasa bersih (*'net current liabilities'*) bagi KPB untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1997 adalah RM423,940,000.00.
42. Selepas Julai 1997, Defendan (yang merupakan Menteri Kewangan pada masa tersebut) telah menerima satu permohonan atau permintaan bantuan kewangan daripada KPB dan/atau Mirzan bagi pihak KPB. Permohonan tersebut telah ditolak oleh Defendan.
43. Seterusnya, Plaintiff telah berjumpa dengan Defendan dan mengarahkan beliau untuk mencipta satu skim khas bagi tujuan mengeluarkan (*'disbursing'*) lebih kurang RM2 bilion daripada Perbendaharaan untuk membantu KPB dan/atau Mirzan (**"Pengeluaran Yang Dicadangkan"** tersebut). Dalam hal ini:-
- 43.1 Defendan telah menggesa Plaintiff untuk mempertimbangkan semula skim yang dinyatakan di atas kerana ia adalah sukar untuk merasionalkan dan menjustifikasikan penggunaan dana Perbendaharaan untuk KPB;
- 43.2 Defendan juga menyatakan bahawa sekiranya Plaintiff ingin meneruskan dengan Pengeluaran Yang Dicadangkan tersebut, Perbendaharaan perlu membentangkan satu belanjawan tambahan kepada Parlimen untuk kelulusan; dan

- 43.3 Walau bagaimanapun, Plaintiff ternyata kecewa dengan jawapan Defendan dan menekankan bahawa ia akan memalukan Mirzan dan/atau dirinya sendiri jika perkara tersebut dibentangkan kepada Parlimen untuk dibahaskan.
44. Walaupun Defendan enggan melayan permintaan KPB untuk bantuan kewangan dan beliau juga telah menjawab Plaintiff seperti yang dinyatakan di atas, Defendan telah dimaklumkan kemudian oleh Tan Sri Mohd Hassan Marican, yang merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petroliam Nasional Berhad (**"PETRONAS"**) terdahulu, bahawa Plaintiff telah mengarahkan PETRONAS untuk menyelamatkan / *'bail out'* KPB.
45. Apabila mengetahui bahawa Plaintiff berhasrat menggunakan PETRONAS untuk menyelamatkan / *'bail out'* KPB, Defendan telah berjumpa dengan Plaintiff untuk menyuarakan bantahan beliau terhadap perkara yang sama. Walau bagaimanapun, Plaintiff tidak mengendahkan bantahan Defendan dan menyatakan bahawa PETRONAS tidak berada di bawah kawalan Perbendaharaan.
46. Pada 06.03.1998, PETRONAS telah mengumumkan rancangannya untuk mengambil alih aset-aset perkapalan KPB. Perkara ini dibuat menurut arahan-arahan yang diberikan oleh Plaintiff.

- 46.1 Pada masa tersebut, PETRONAS berada di bawah kawalan dan arahan Plaintiff menurut Seksyen 3 Akta Kemajuan Petroleum 1974 kerana beliau adalah Perdana Menteri.
- 46.2 Sebagai Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, Plaintiff juga mempunyai kuasa untuk mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya sesuai kepada PETRONAS.
47. Pada hari yang sama (06.03.1998), Malaysia International Shipping Corporation Berhad ("**MISC**") telah memeterai dua memorandum persefahaman ("**Memorandum-Memorandum Persefahaman**" tersebut) dengan PETRONAS dan KPB. Defendan menyatakan bahawa objektif utama Memorandum-Memorandum Persefahaman tersebut adalah untuk memudahkan (*'facilitate'*) pengambilalihan aset-aset KPB melalui pembayaran tunai kepada KPB.
48. Menurut Memorandum-Memorandum Persefahaman tersebut yang dinyatakan di atas:-

Memorandum Persefahaman dengan PETRONAS

- 48.1 MISC akan mengambil alih PETRONAS Tankers Sdn Bhd ("**PETRONAS Tankers**") daripada PETRONAS. Pertimbangan pembelian untuk pengambilalihan Petronas

Tankers akan diselesaikan dengan pengeluaran saham baru kepada PETRONAS;

48.2 Selepas pengeluaran saham baru oleh MISC kepada PETRONAS, MISC akan menjadi anak syarikat PETRONAS;

Memorandum Persefahaman dengan KPB

48.3 MISC akan mengambil alih syarikat yang dikenali sebagai Pacific Basin Bulk Shipping Limited (*kemudiannya dikenali sebagai PNSL Limited*) daripada KPB;

48.4 MISC juga akan mengambil alih daripada PNSL Berhad, yang merupakan anak syarikat milik penuh KPB, kepentingan-kepentingan dan aset-aset berikut:-

- (a) 51% kepentingan ekuiti yang dimiliki oleh PNSL Berhad dalam Asia LNG Transport Sdn Bhd ("**Asia LNG**") dan Asia LNG Transport Dua Sdn Bhd ("**Asia LNG 2**");
- (b) Sembilan (9) buah kapal dan dua kapal yang baru dibina yang dimiliki atau dikendalikan oleh PNSL Berhad;

- 48.5 Pertimbangan pembelian yang akan dibayar oleh MISC untuk pengambilalihan yang dinyatakan di atas akan diselesaikan sepenuhnya dengan tunai.
49. Pada 11.11.1998, MISC telah mengambil alih PETRONAS Tankers daripada PETRONAS dengan pertimbangan pembelian sebanyak USD1,575,000.00 (RM5,985,000,000.00). Pertimbangan tersebut telah diselesaikan dengan pengeluaran sebanyak 859,913,793 saham biasa baharu dalam MISC. Lanjutan kepada transaksi ini, PETRONAS telah menjadi syarikat induk kepada MISC (**“Transaksi Pertama”**).
50. Pada 12.11.1998, transaksi-transaksi berikut telah berlaku antara MISC, KPB dan anak syarikat milik penuh KPB, PNSL Berhad:-
- 50.1 MISC telah mengambil alih PNSL Limited daripada KPB dengan pembayaran tunai sebanyak USD55,000,000 (RM209,000,000.00) [**“Transaksi Kedua”**]; dan
- 50.2 MISC juga telah mengambil alih kepentingan ekuiti dan aset-aset anak syarikat milik penuh KPB, PNSL Berhad, yang berikut dengan bayaran tunai USD165,000,000 (RM627,000,000.00) [**“Transaksi Ketiga”**]:-

- (a) Kepentingan 51% PNSL Berhad dalam kedua-dua Asia LNG dan Asia LNG 2;
- (b) Manfaat-manfaat, hak-hak dan kepentingan PNSL Berhad dalam sembilan (9) buah kapal dan dua kapal yang baru dibina yang dimiliki atau dikendalikan oleh syarikat tersebut; dan
- (c) Manfaat-manfaat, hak-hak dan kepentingan PNSL Berhad di bawah kontrak-kontrak tertentu serta pinjaman perkapalan yang diambil berkenaan dengan kapal-kapal dan binaan baru yang dinyatakan di atas.

(Transaksi Pertama, Kedua dan Ketiga yang dinyatakan di atas dirujuk secara kolektif sebagai "**Transaksi-Transaksi MISC-KPB**")

- 51. Defendan menyatakan bahawa Transaksi-Transaksi MISC-KPB telah berlaku di bawah bidang kuasa dan/atau arahan Plaintiff semasa beliau adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.
- 52. Menurut Transaksi-Transaksi MISC-KPB di atas, KPB telah menerima sejumlah USD220,000,000 (RM836,000,000.00) daripada MISC dan/atau PETRONAS untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1998. Akibatnya:-

52.1 Kerugian KPB sebanyak RM189,788,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1997 telah dihapuskan dengan serta-merta;

52.2 KPB kemudiannya melaporkan keuntungan sebanyak RM126,530,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1998;

52.3 Daripada mempunyai liabiliti semasa bersih sebanyak RM423,940,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1997, KPB telah mencatatkan aset semasa bersih (*'net current assets'*) sebanyak RM73,728,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1998.

(ii) Pemberian Kontrak Secara Langsung kepada Opcom Sdn Bhd

53. Opcom Sdn Bhd ("**Opcom**") adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan membekalkan sistem kabel fiber optik dan perkhidmatan kejuruteraan yang berkaitan. Dalam hal ini:-

53.1 Anak ketiga Plaintiff, Mukhriz Bin Mahathir ("**Mukhriz**"), adalah Pengarah Opcom dari 30.03.1994 hingga 14.10.2009; dan

- 53.2 Isteri Mukhriz, Norzieta Zakaria adalah pemegang saham majoriti Opcom dan Pengarah syarikat tersebut sejak 18.08.1999. Mirzan juga adalah pemegang saham Opcom.
54. Pada 15.09.2003, Telekom Malaysia Berhad ("**Telekom**") telah mengeluarkan surat kepada Kementerian Kewangan untuk meminta, antara lain, kebenaran untuk mengadakan rundingan terus dengan Opcom bagi pembekalan kabel fiber optik bernilai RM214.2 juta.
- 54.1 Telekom adalah sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di mana Menteri Kewangan (Diperbadankan) [**"MKD"**] memegang satu saham khas (*'golden share'*) yang memberikan MKD kuasa untuk menolak keputusan lembaga serta keputusan pemegang-pemegang saham lain.
- 54.2 Pada masa yang material, MKD berada di bawah kawalan dan arahan Plaintiff kerana beliau adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia.
55. Pada 07.10.2003, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat untuk meluluskan permohonan Telekom untuk rundingan terus seperti yang dinyatakan di atas.

56. Selepas itu, rundingan terus yang berkaitan antara Telekom dan Opcom telah berlaku antara Oktober dan November 2003.
57. Melalui satu Surat Award bertarikh 17.11.2003 (Kontrak No. 46030067) [**“Kontrak Fiber Optik” tersebut**], Telekom telah melantik Opcom sebagai kontraktor bagi pembekalan kabel fiber optik dan perkhidmatan kejuruteraan dengan jumlah kontrak sebanyak RM214,200,000.00 (**“Jumlah Kontrak” tersebut**).
58. Pada sekitar Jun 2004, Opcom telah menyerahkan hak-hak, hakmilik, faedah dan kepentingan pihaknya dalam Jumlah Kontrak tersebut kepada Opcom Holdings Sdn Bhd (*kini dikenali sebagai Opcom Holdings Berhad*).
59. Pengeluaran surat Telekom bertarikh 15.09.2003, surat Kementerian Kewangan bertarikh 07.10.2003 serta rundingan bagi Kontrak Fiber Optik tersebut telah berlaku di bawah kawalan, arahan dan/atau bidang kuasa Plaintiff semasa beliau masih adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia pada tahun 2003.
- (iii) Pemberian Kontrak Oleh Telekom kepada Opcom Cables Sdn Bhd
60. Opcom Cables Sdn Bhd (**“Opcom Cables”**) adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan pembuatan kabel fiber optik, sistem

dan aksesori serta membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang berkaitan. Dalam hal ini:-

60.1 Anak lelaki sulung Plaintiff, Mirzan, adalah Pengarah Opcom Cables dari tempoh 07.11.1994 hingga 05.02.2021;

60.2 Anak lelaki kedua Plaintiff, Mokhzani Bin Mahathir (**“Mokhzani”**) adalah Pengarah Opcom Cables dari tempoh 08.05.2009 hingga 01.06.2019;

60.3 Anak lelaki ketiga Plaintiff, Mukhriz adalah Pengarah Opcom Cables dari tempoh 07.11.1994 hingga 08.05.2009; dan

60.4 Isteri Mukhriz, Norzieta Zakaria adalah Pengarah Opcom Cables dari tempoh 28.02.1995 hingga 05.02.2021.

61. Pada 14.05.2018, Opcom Cables telah diberikan kontrak yang bernilai sebanyak RM11.157 juta oleh Telekom (**“Kontrak Rakan Unifi” tersebut**). Dalam hal ini:-

61.1 Kontrak Rakan Unifi adalah untuk pemasangan dan pemuliharaan perkhidmatan-perkhidmatan Unifi; dan

61.2 Tempoh kontrak tersebut adalah lapan belas (18) bulan bermula dari 02.07.2018 hingga 31.12.2019.

62. Kontrak Rakan Unifi tersebut telah diberikan kepada Opcom Cables empat (4) hari selepas Plaintif mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ketujuh Malaysia, iaitu selepas pilihan raya umum ke-14 pada 10.05.2018. Kontrak tersebut juga telah diberikan sebelum pembentukan jemaah menteri baru dan tanpa kelulusan mereka. Dalam hal ini, menteri-menteri kabinet untuk tempoh tersebut hanya mengangkat sumpah pada 02.07.2018.

(iv) Pemberian Lesen Fabrikasi ('Fabrication License') kepada Kencana Petroleum Berhad

63. Pada tahun 2000, Hin Loong Engineering ("**HL Engineering**") memiliki satu *fabrication yard* di Lumut, Perak yang bersaiz lebih kurang 11 ekar.

64. Pada 2001, anak lelaki kedua Plaintif, Mokhzani telah menubuhkan Kencana Capital Sdn Bhd dan mengambil alih *fabrication yard* tersebut di Lumut, Perak dengan melabur dalam HL Engineering.

65. Kencana Capital Sdn Berhad seterusnya telah dijenamakan semula sebagai Kencana Petroleum Berhad (kini dikenali sebagai *SE Petroleum Berhad*) ("**Kencana Petroleum**").

66. Pada masa yang material tersebut, Kencana Petroleum tidak memiliki sebarang lesen fabrikasi.
67. Pada tahun 2002, PETRONAS telah memberikan satu lesen fabrikasi (*Offshore Structures*) yang besar kepada Kencana Petroleum walaupun ia baru ditubuhkan pada masa tersebut.
68. Pada tempoh tersebut, terdapat tujuh syarikat sahaja yang diberikan lesen ini dalam Malaysia.
69. Pada masa lesen tersebut diberikan kepada Kencana Petroleum, Plaintiff adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Akibatnya, Plaintiff menjalankan pengawasan terhadap pengeluaran lesen fabrikasi yang dinyatakan sebelum ini, memandangkan bahawa PETRONAS beroperasi sebagai entiti milik penuh Kerajaan Malaysia dan Plaintiff mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sebarang arahan yang difikirkannya sesuai kepada PETRONAS menurut Seksyen 3 Akta Kemajuan Petroleum 1974.

(v) *Sokongan dan/atau Galakan Plaintiff Terhadap Kronisme*

A. *Perwaja Steel*

70. Dalam tahun 1995, Defendan (semasa beliau masih adalah Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri) telah menerima satu

laporan daripada wakil Kementerian Kewangan dalam lembaga pengarah kumpulan syarikat Perwaja ("**Kumpulan Perwaja**") mengenai kerugian besar yang ditanggung dan kegagalan untuk mematuhi prosedur dan amalan kewangan standard. Defendan kemudian mengarahkan supaya jawatankuasa tender dan kewangan ditubuhkan oleh lembaga pengarah.

71. Apabila wakil tersebut membangkitkan perkara yang sama, Pengarah Urusan Kumpulan Perwaja pada masa itu, iaitu Tan Sri Eric Chia ("**Eric Chia**"), telah memaklumkan bahawa Plaintiff (sebagai Perdana Menteri pada masa tersebut) telah diberi taklimat (*'briefed'*) dan beliau telah memberi kebenaran kepada pengarah urusan untuk berbuat sesuka hatinya.

71.1 Eric Chia telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Perwaja pada tahun 1988, iaitu pada masa yang sama Plaintiff adalah Menteri Kewangan.

72. Pada tahun 1996, Kumpulan Perwaja masih menanggung kerugian besar dan telah meminta untuk dana disuntik oleh Perbendaharaan. Perbendaharaan tidak dapat menolak permintaan tersebut kerana Plaintiff telah mengarahkan supaya Eric Chia diberi sokongan dan latitud untuk mengendalikan kumpulan syarikat Perwaja.

73. Berdasarkan perkara di atas, Defendan kemudiannya meluluskan pelantikan Price Waterhouse (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers) (“PWC”) untuk menjalankan audit pengurusan ke atas Kumpulan Syarikat Perwaja untuk, antara lain, mengenal pasti masalah kewangan yang dihadapi oleh kumpulan tersebut dan membuat cadangan untuk pemulihan kumpulan. PWC kemudian mengeluarkan Ringkasan Eksekutif yang telah mendapati, antara lainnya, perkara-perkara seperti berikut:-.

73.1 Kumpulan Perwaja tidak solven. Kumpulan tersebut memerlukan lebih kurang RM2 bilion untuk memastikan supaya kumpulan tersebut kekal sebagai usaha berterusan (*‘going concern’*) sepanjang 1996 dan juga RM5.3 bilion untuk tahun 1996 hingga 2000;

73.2 Berdasarkan akaun pengurusan setakat 31.12.1995, Kumpulan tersebut mempunyai liabiliti semasa bersih sebanyak RM926 juta, liabiliti jangka panjang sebanyak RM6 bilion dan defisit hampir RM1.9 bilion dalam dana pemegang saham;

73.3 Pendedahan kewangan (*‘financial exposure’*) Kementerian Kewangan dalam Kumpulan tersebut adalah lebih daripada RM5 bilion yang termasuk RM2.07 bilion dalam pengeluaran

tunai (*'cash outlay'*) dan RM3.18 bilion dalam jaminan pinjaman oleh Kementerian;

73.4 Terdapat pengurusan yang tidak baik oleh pihak pengurusan yang diketuai oleh Eric Chia, dan kegagalan untuk mematuhi prosedur perolehan dan kewangan yang betul seperti:-

- (a) Tidak ada bukti bahawa belanjawan kewangan disediakan untuk memantau prestasi sebenar dan pengurusan modal kerja;
- (b) Tidak ada bukti bahawa terdapat pengukuran prestasi untuk memantau kos pengeluaran;
- (c) Tidak ada bukti bahawa sebut harga kompetitif lain diperoleh sebelum memasuki kontrak bekalan eksklusif untuk bahan guna habis (*'consumables'*) seperti yang dikehendaki oleh prosedur operasi standard Kumpulan tersebut;
- (d) Tidak ada prosedur yang jelas untuk pemberian kontrak perbelanjaan modal;
- (e) Tidak ada bukti penglibatan lembaga pengarah dalam penyemakan dan kelulusan terma perbelanjaan modal

dan kontrak-kontrak lain yang penting. Terdapat juga beberapa kontrak yang telah dimasuki oleh pihak pengurusan tetapi tidak pernah dikemukakan kepada lembaga pengarah untuk kelulusan atau ratifikasi; dan

- (f) Eric Chia, selaku pengarah urusan diberi kebebasan untuk memilih orang yang diberikan kontrak.

73.5 Terdapat transaksi yang boleh dipersoalkan / mencurigakan termasuk pinjaman yang tidak digunakan untuk tujuan asalnya, kos bahan mentah dan caj pengangkutan yang amat tinggi; dan

73.6 Terdapat pembayaran yuran guaman yang amat banyak kepada firma guaman, terutamanya Tetuan V.K. Lingam & Co dan Lewis & Co, dalam jumlah sebanyak RM13 juta. Terdapat juga bayaran sebanyak RM5.4 juta kepada rakan kongsi Tetuan Lewis & Co yang juga setiausaha syarikat Kumpulan pada masa tersebut. Bayaran-bayaran ini telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan.

74. Pada Disember 1996, Defendan telah membentangkan usul dalam Parlimen untuk meluluskan suntikan RM2 bilion kepada Kumpulan Perwaja dan untuk pengurusan syarikat tersebut diselia PWC. Defendan juga membentangkan dapatan awal laporan di atas.

75. Selepas pembentangan usul tersebut yang mendapat liputan luas dalam media, Plaintiff telah menyoal Defendan mengenai keperluan untuk membentangkan dapatan PWC dalam Parlimen. Plaintiff kemudiannya terus menyokong Eric Chia walaupun beliau telah diberi taklimat oleh PWC mengenai dapatan pihaknya.
76. Pada pertengahan tahun 1998, PWC telah menyerahkan laporan lengkap mengenai Kumpulan Perwaja kepada Plaintiff (selaku Perdana Menteri), Defendan (selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan) dan gabenor Bank Negara Malaysia. Laporan tersebut menunjukkan, antara lain, bahawa:-
- 76.1 Terdapat pinjaman besar yang diambil oleh syarikat tersebut dan salah urus yang teruk (*'gross mismanagement'*) oleh pihak pengurusan yang diketuai oleh Eric Chia semasa tempoh material tersebut; dan
- 76.2 Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Plaintiff memberi kuasa dan/atau membenarkan Eric Chia dan pihak pengurusan untuk meluluskan dan memasuki kontrak besar tanpa tender dan tanpa rujukan kepada Lembaga Pengarah Perwaja dan/atau Perbendaharaan.

77. Walaupun PWC telah membuat dapatan seperti yang dijelaskan di atas, Plaintif tetap menyokong dan/atau tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Eric Chia dan pengurusan Kumpulan Perwaja. Ini memudaratkan/menjejaskan Kementerian Kewangan, dana awam dan negara.
78. Berdasarkan perkara-perkara di atas, Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan 22 Tuntutan tersebut adalah benar dari segi substans dan/atau dari segi fakta. Sekiranya perlu, Defendan akan bergantung kepada Seksyen 8 Akta Fitnah 1957.

Butir-Butir Justifikasi

- 78.1 Seperti yang dinyatakan sebelum ini, ia telah diumumkan kepada orang ramai oleh Kerajaan Persekutuan (yang diketuai oleh Plaintif) semasa Krisis Kewangan Asia 1997 bahawa tidak akan ada sebarang bantuan kewangan, penyelamatan atau "*bail-out*" untuk syarikat-syarikat tempatan yang bermasalah dan/atau menghadapi kesusahan;
- 78.2 Namun, walaupun Kerajaan Persekutuan telah mengambil pendirian tersebut, Defendan telah menolak permintaan KPB dan/atau Mirzan untuk bantuan kewangan, dan

beliau juga telah menjawab arahan Plaintiff seperti yang dinyatakan dalam perenggan 43 di atas, Plaintiff tetap mengeluarkan arahan-arahan untuk Transaksi-Transaksi MISC-KPB dilaksanakan;

- 78.3 Objektif dan/atau tujuan utama Transaksi-Transaksi MISC-KPB adalah untuk membantu, menyelamatkan dan/atau “*bail-out*” KPB, di mana anak sulung Plaintiff, Mirzan, adalah pemegang saham majoriti;
- 78.4 Mirzan sendiri juga telah mengakui bahawa Transaksi-Transaksi MISC-KPB akan mengurangkan hutang syarikatnya kepada hampir sifar;
- 78.5 Hasil langsung daripada Transaksi-Transaksi MISC-KPB adalah kerugian KPB untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1997 telah dihapuskan dan syarikat tersebut kemudiannya melaporkan keuntungan sebanyak RM126,530,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1998;
- 78.6 KPB juga telah mencatatkan aset semasa bersih sebanyak RM73,728,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1998 walaupun ia mencatatkan liabiliti

semasa bersih sebanyak RM423,940,000.00 untuk tahun kewangan berakhir 31.12.1997;

78.7 Plaintiff adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia ketika Transaksi-Transaksi MISC-KPB berlaku. Plaintiff juga mengawal PETRONAS pada masa tersebut;

78.8 Opcom dimiliki oleh dan/atau mempunyai kaitan dengan ahli keluarga terdekat Plaintiff. Dalam hal ini:-

(a) Pemegang majoriti Opcom ialah Norzieta Zakaria, yang merupakan menantu Plaintiff dan isteri kepada anak ketiganya, Mukhriz;

(b) Mirzan ialah pemegang saham yang lain untuk Opcom;

78.9 Plaintiff adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa:-

(a) Surat dikeluarkan oleh Telekom kepada Kementerian Kewangan untuk memohon kebenaran mengadakan rundingan terus dengan Opcom bagi pembekalan kabel fiber optik bernilai RM214.2 juta;

(b) Surat dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada Telekom untuk meluluskan permohonannya untuk rundingan terus dengan Opcom; dan

(c) Rundingan untuk Kontrak Fiber Optik tersebut sedang dijalankan;

78.10 Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada masa yang material tersebut, Plaintiff mempunyai kawalan ke atas MKD yang memegang saham khas yang membolehkan kerajaan membuat keputusan penting dalam Telekom;

78.11 Plaintiff berada dalam kedudukan untuk mengawal dan/atau mengeluarkan arahan kepada kedua-dua Telekom dan Kementerian Kewangan disebabkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan;

78.12 Opcom telah diberi Kontrak Fiber Optik tersebut dengan nilai kontrak sebanyak RM214,200,000.00 melalui rundingan terus;

- 78.13 Opcom Cables juga telah diberikan Kontrak Rakan Unifi oleh Telekom empat (4) hari selepas Plaintiff mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ketujuh;
- 78.14 Pada tempoh material tersebut, Opcom Cables dikawal oleh dan/atau dimiliki oleh ahli-ahli keluarga Plaintiff seperti yang dijelaskan dalam perenggan 60 di atas. Dalam kata lain, ahli-ahli keluarga Plaintiff mempunyai kepentingan yang besar dalam Opcom Cables;
- 78.15 Kencana Petroleum adalah dan/atau, untuk semua maksud dan tujuan, sebuah syarikat yang dimiliki oleh dan/atau dikawal oleh Mokhzani;
- 78.16 Walaupun hanya ditubuhkan pada tahun 2001 dan tiada sebarang rekod prestasi yang diketahui, Kencana Petroleum telah diberikan lesen fabrikasi utama oleh PETRONAS;
- 78.17 Lesen fabrikasi tersebut telah diberikan kepada Kencana Petroleum semasa Plaintiff adalah Perdana Menteri;
- 78.18 Lesen fabrikasi tersebut diberikan kepada Kencana Petroleum semasa Plaintiff, sebagai Perdana Menteri, mempunyai kuasa untuk mengeluarkan apa-apa arahan

yang difikirkannya patut kepada PETRONAS mengikut Seksyen 3 Akta Pembangunan Petroleum 1974;

- 78.19 Plaintif selaku Menteri Kewangan telah melantik dan/atau membenarkan pelantikan Eric Chia sebagai pengarah urusan Kumpulan Perwaja pada tahun 1988;
- 78.20 Plaintif telah melalui tindakannya dan/atau ketiadaan tindakannya (*'omission'*) membenarkan Eric Chia mengendalikan Kumpulan Perwaja tanpa melalui lembaga pengarah, pemegang-pemegang saham dan Kementerian Kewangan;
- 78.21 Plaintif telah memberikan Eric Chia kebebasan untuk mengendalikan Kumpulan Perwaja di mana yang sama telah menyebabkan kumpulan tersebut menjadi tidak solven dan membebankan Kementerian Kewangan dengan liabiliti hampir RM6 bilion pada masa tersebut;
- 78.22 Tindakan Plaintif telah melindungi personaliti perniagaan yang berkait rapat dengan beliau dan menggalakkan amalan kronisme dalam negara ini terutamanya semasa beliau menjadi Perdana Menteri pada kali pertama dan Menteri Kewangan; dan

- 78.23 Defendan mengulangi perenggan-perenggan 39 hingga 77 di atas.
79. Defendan merizabkan hak untuk meminda butir-butir di atas sebelum bicara penuh tindakan ini.
80. Dalam keadaan tersebut, tajuk C dan perenggan-perenggan 22 hingga 26 Tuntutan tersebut adalah dinafikan.
81. Secara alternatifnya, Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 22 dan 23 Tuntutan tersebut setakat mana ia mempunyai maksud fitnah (di mana dinafikan) bermaksud dan difahamkan untuk membawa maksud alternatif dan/atau kurang seperti berikut dan bukan sebarang maksud fitnah yang lain terhadap Plaintiff:-
- 81.1 Terdapat alasan-alasan yang munasabah dan/atau rasa syak yang munasabah (*'reasonable suspicions'*) untuk mencadangkan bahawa Plaintiff telah menggunakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan/atau Menteri Kewangan untuk:-
- (a) Memperoleh faedah kewangan untuk ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya;

- (b) Memperoleh peluang perniagaan untuk ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya;
- (c) Memperoleh kontrak-kontrak dan/atau kerja-kerja untuk perniagaan-perniagaan yang dimiliki oleh dan/atau berkaitan dengan ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya; dan
- (d) Memperkayakan ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya;

81.2 Terdapat alasan-alasan yang munasabah dan/atau rasa syak yang munasabah (*'reasonable suspicions'*) untuk mencadangkan bahawa Plaintiff telah menyalahgunakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan/atau Menteri Kewangan untuk kepentingan ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya dan/atau perniagaan-perniagaan mereka;

81.3 Terdapat alasan-alasan yang munasabah dan/atau rasa syak yang munasabah (*'reasonable suspicions'*) untuk mencadangkan bahawa Plaintiff telah mengarahkan supaya aset-aset negara dan/atau duit-duit pembayar cukai digunakan untuk tujuan memberi manfaat kepada

ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya dan/atau perniagaan mereka;

81.4 Terdapat alasan-alasan yang munasabah dan/atau rasa syak yang munasabah (*'reasonable suspicions'*) untuk mencadangkan bahawa Plaintif telah menggunakan agenda dan/atau dasar ekonomi Bumiputera untuk memperkayakan ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya; dan

81.5 Terdapat alasan-alasan yang munasabah dan/atau rasa syak yang munasabah (*'reasonable suspicions'*) untuk mencadangkan bahawa tindakan dan/atau kelakuan Plaintif yang memperkayakan ahli-ahli keluarganya dan/atau kroni-kroninya telah membawa kepada kesan negatif dan/atau kemerosotan ekonomi dan kewangan negara.

82. Defendan mengatakan bahawa setakat mana Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 22 dan 23 Tuntutan tersebut membawa maksud-maksud alternatif dan/atau kurang yang dinyatakan dalam perenggan 81 di atas, ia adalah benar dari segi substans dan/atau dari segi fakta.

Butir-Butir Justifikasi Lucas-Box

- 82.1 Defendan mengulangi perenggan-perenggan 3 hingga 9, 39 hingga 77 dan 78.1 hingga 78.22 di atas; dan
- 82.2 Sekiranya perlu, Defendan akan bergantung kepada Seksyen 8 Akta Fitnah 1957.
83. Defendan merizabkan hak untuk meminda butir-butir di atas sebelum bicara penuh tindakan ini.

Tajuk-Tajuk D dan E, Perenggan-Perenggan 27 hingga 33 dan 34 hingga 39 Tuntutan

84. Tajuk-tajuk D dan E, perenggan-perenggan 27 hingga 33 dan 34 hingga 39 Tuntutan tersebut adalah dinafikan dan Plaintiff diletakkan atas beban bukti yang kukuh untuk perkara yang sama. Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 27 dan 34 Tuntutan tersebut tidak merujuk kepada Plaintiff.
85. Defendan seterusnya menyatakan bahawa pernyataan-pernyataan tersebut juga tidak menimbulkan sebarang maksud-maksud fitnah seperti yang diplidkan oleh Plaintiff. Pernyataan-pernyataan yang sama juga tidak boleh dibaca atau difahami secara berasingan dan

harus dibaca dalam konteks keseluruhan perenggan berikut dan/atau Ucapan tersebut:-

“... Jangan perbodohkan rakyat. Rakyat harus bangkit mempertahankan hak mereka. Kumpulkan Tun-Tun, Tan Sri-Tan Sri, tauke-tauke besar, ini beberapa kerat orang sekarang merencana untuk menggugat menggunakan sentimen kaum, mengajak orang-orang Melayu benci pada kaum-kaum lain menyatakan bahawa kuasa hilang. Kamu pegang tampuk kuasa termasuk kerajaan tiga tahun baru-baru ini, mana dia RUU355.

Mananya projek peningkatan dana untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah? Belanjawan tahun ini yang meningkatkan jumlah kewangan untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Tentunya lebih untuk Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak ketinggalan dalam banyak bidang. Jadi saudara-saudara harus waspada patriotisme, racism, religious bigotry, combined are the last refuge of the scoundrel... ”

86. Secara alternatifnya, Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 27 dan 34 Tuntutan tersebut setakat mana ia mempunyai maksud fitnah (di mana dinafikan) bermaksud dan difahamkan untuk membawa maksud-maksud alternatif dan/atau kurang seperti berikut dan bukan sebarang maksud fitnah yang lain terhadap Plaintiff:-

- 86.1 Plaintif bersama-sama dengan individu-individu tertentu yang berprofil tinggi sedang menggunakan sentimen perkauman untuk melemahkan Kerajaan Persekutuan sekarang;
- 86.2 Sekumpulan orang yang terkenal (*'prominent'*) dan berpengaruh sedang bekerjasama untuk melemahkan keharmonian kaum dengan menggunakan sentimen perkauman untuk menghasut orang Melayu atas dasar palsu bahawa orang Melayu telah hilang kuasa; dan
- 86.3 Terdapat orang yang terkenal yang menggunakan dan/atau mempromosikan sentimen perkauman untuk menghasut kebencian dan/atau melemahkan Kerajaan Persekutuan sekarang.
87. Defendan menyatakan bahawa setakat mana Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 27 dan 34 Tuntutan tersebut membawa maksud-maksud alternatif dan/atau kurang yang dinyatakan dalam perenggan 86 di atas, ia adalah benar dari segi substans dan/atau segi fakta.

Butir-Butir Justifikasi *Lucas-Box*

- 87.1 Perenggan-perenggan 28 hingga 28.10 (Butir-Butir Jawapan Kepada Serangan) di atas adalah diulangi;
- 87.2 Pada 06.10.2019, Plaintiff telah menyatakan dalam Kongres Maruah Melayu bahawa orang Melayu telah menerima orang luar sebagai warganegara sebagai tukaran untuk kemerdekaan daripada orang British. Selanjutnya, Plaintiff juga telah membidas beberapa orang bukan Melayu yang menyatakan bahawa perhimpunan tersebut bersifat perkauman, dan mengata bahawa orang lain boleh menganjurkan perhimpunan mereka dengan bebas dan bercakap dalam bahasa ibunda mereka tanpa dilabelkan sebagai pentaksub (*'bigot'*);
- 87.3 Pada 28.07.2022, Plaintiff dalam persidangan "*Penjenamaan Semula Naratif Politik Melayu*" telah menyatakan secara terbuka bahawa politik negara Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada perkauman kerana ia memainkan peranan yang besar di mana rakyat hanya akan memilih wakil-wakil kaumnya sendiri. Beliau juga selanjutnya menyatakan bahawa parti politik yang berasaskan Melayu tidak akan mencapai kemenangan tanpa sokongan orang bukan Melayu, oleh demikian, ia

adalah sukar untuk parti tersebut mencapai agenda Melayu;

- 87.4 Pada 01.03.2023, Plaintiff dalam satu sidang media telah membuat kenyataan yang mempunyai motif perkauman (*'racially motivated statements'*) yang mencadangkan bahawa orang Melayu bukan lagi kuasa dominan dalam ekonomi negara dan kepentingan-kepentingan mereka bukan lagi keutamaan kerajaan yang akan datang berdasarkan hakikat bahawa pakatan pemerintah (*'ruling coalition'*) Defendan memegang majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat;
- 87.5 Ia adalah sesuatu perkara yang diketahui oleh orang umum bahawa Perhimpunan atau agenda Proklamasi Melayu didorong oleh orang-orang yang berpengaruh;
- 87.6 Kerajaan sebelum ini yang memegang kuasa selama 3 tahun telah mengabaikan Rang Undang-Undang 355 walaupun pihaknya mengatakan bahawa ia telah mengutamakan hak-hak orang Melayu;
- 87.7 Pada bulan-bulan sebelum penerbitan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut, beberapa pihak yang terkenal termasuk (tetapi tidak terhad kepada) Plaintiff

dan Tan Sri Hadi Awang (Presiden PAS), dilaporkan telah mempersoalkan kredibiliti Kerajaan Persekutuan sekarang terutamanya mengenai komposisi Kerajaan Perpaduan, yang kononnya kebanyakannya bukan beragama Islam.

87.8 Sekiranya perlu, Defendan akan bergantung kepada Seksyen 8 Akta Fitnah 1957.

88. Defendan merizabkan hak untuk meminda butir-butir di atas sebelum bicara penuh tindakan ini.

***Tajuk F, Perenggan-Perenggan 40 hingga 45 dan 46 hingga 49
Tuntutan tersebut***

89. Tajuk F, perenggan-perenggan 40 hingga 45, tajuk G dan 46 hingga 49 Tuntutan tersebut adalah dinafikan. Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut dalam perenggan-perenggan 40 dan 46 Tuntutan tersebut tidak merujuk kepada Plaintif. Dalam perkara ini:-

89.1 Pernyataan *“last refuge of the scoundrel”* sebenarnya adalah rujukan kepada pernyataan yang dibuat oleh penulis Inggeris Samuel Johnson pada bulan April 1775 yang telah berkata bahawa: *“Patriotism is the last refuge of a scoundrel”*; dan

89.2 Pernyataan di atas oleh Samuel Johnson juga sering digunakan dalam perbincangan politik yang menyeru penolakan terhadap perpecahan (*'calling for the rejection of divisiveness'*). Oleh itu, pernyataan tersebut harus difahami dalam erti kata metafora dan bukan secara literal.

90. Defendan juga menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tersebut dalam perenggan-perenggan 40 dan 46 Tuntutan tersebut tidak menimbulkan sebarang maksud-maksud fitnah seperti yang dihidkan oleh Plaintiff. Pernyataan-pernyataan yang sama juga tidak boleh dibaca atau difahami secara berasingan dan harus dibaca dalam konteks keseluruhan perenggan berikut dan/atau Ucapan tersebut:-

"... Mananya projek peningkatan dana untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah? Belanjawan tahun ini yang meningkatkan jumlah kewangan untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Tentunya lebih untuk Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak ketinggalan dalam banyak bidang. Jadi saudara-saudara harus waspada patriotisme, racism, religious bigotry, combined are the last refuge of the scoundrel...."

91. Secara alternatifnya, Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 40 dan 46 Tuntutan tersebut setakat mana ia mempunyai maksud fitnah (di mana dinafikan) bermaksud dan difahamkan untuk membawa maksud-maksud alternatif

dan/atau kurang seperti berikut dan bukan sebarang maksud fitnah yang lain terhadap Plaintiff:-

- 91.1 Plaintiff sedang menggunakan sentimen agama atau perkauman sebagai percubaan terakhirnya untuk melemahkan dan/atau menyerang Defendan sebagai Perdana Menteri;
- 91.2 Plaintiff sedang menggunakan sentimen agama atau perkauman sebagai percubaan terakhirnya untuk melemahkan dan/atau menyerang Kerajaan Persekutuan;
- 91.3 Orang ramai atau rakyat-rakyat mesti berhati-hati terhadap orang yang menggunakan sentimen agama dan/atau perkauman untuk menimbulkan/menyemarakkan konflik, meminggirkan masyarakat tertentu, atau mendapatkan kuasa dengan penyamaran patriotisme, perkauman (*'racism'*) dan agama, sebagai jalan terakhir untuk mendapatkan sokongan; dan
- 91.4 Orang ramai atau rakyat-rakyat perlu menilai kenyataan-kenyataan awam yang dibuat oleh ahli-ahli politik untuk memastikan bahawa kenyataan tersebut dibuat demi kepentingan negara dan bukan untuk kepentingan kumpulan orang yang tertentu.

92. Defendan menyatakan bahawa setakat mana Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 40 dan 46 Tuntutan tersebut membawa maksud-maksud yang dinyatakan dalam perenggan 91 di atas, ia adalah benar dari segi substans dan/atau segi fakta.

Butir-Butir Justifikasi *Lucas-Box*

92.1 Perenggan-perenggan 87.1 hingga 87.7 di atas adalah diulangi; dan

92.2 Sekiranya perlu, Defendan akan bergantung kepada Seksyen 8 Akta Fitnah 1957.

Tajuk H dan I, perenggan-perenggan 50 hingga 54 dan 55 hingga 62 tuntutan

93. Tajuk H dan I, perenggan-perenggan 50 hingga 54 dan 55 hingga 62 Tuntutan adalah dinafikan. Defendan menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 50 dan 55 Tuntutan tersebut tidak merujuk kepada Plaintif. Pernyataan yang sama juga tidak boleh dibaca atau difahami secara berasingan dan harus dibaca dalam konteks keseluruhan perenggan di bawah dan/atau Ucapan tersebut:-

“... Bila hilang kuasa, bila dicabar, bila takut dengan serangan SPRM, dan lembaga hasil dalam negeri, kamu kaya berbillion-billion cukai tak mahu bayar. Bawa lari keluar negara dan minta saya jadi Perdana Menteri apa. Saya mahu jadi bengong biarkan ini dan kutip cukai daripada rakyat. Saya akan kutip cukai daripada rakyat, tapi saya tak akan lepaskan tauke-tauke dan maha kaya daripada membayar cukai. Sebab itu kena buat siasatan...”

94. Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan di atas, apabila dilihat secara keseluruhan, jelas membuat rujukan umum kepada individu-individu kaya di Malaysia yang telah mengelakkan dan / atau mengelak daripada membayar cukai. Tiada rujukan nyata dan/atau tersirat kepada Plaintiff dalam pernyataan-pernyataan tersebut.
95. Atas sebab-sebab yang sama seperti yang dinyatakan di atas, Defendan selanjutnya menyatakan bahawa Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan dalam perenggan-perenggan 50 dan 55 Tuntutan tidak menimbulkan sebarang maksud-maksud fitnah seperti yang diplidkan oleh Plaintiff.

Komen yang Adil ('Fair Comment')

96. Selanjutnya dan/atau secara alternatif, Defendan memplidkan bahawa setakat mana Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan terdiri daripada pernyataan fakta, ia adalah benar dari segi substans dan/atau segi fakta. Selanjutnya, setakat mana

Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan terdiri daripada ungkapan pendapat (*'expressions of opinion'*), mereka adalah komen yang adil (*'fair comment'*) mengenai, antara lain, perkara-perkara berkenaan kepentingan awam berikut:-

- 96.1 Penggunaan dana awam dan bantuan kewangan yang diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan tertentu semasa Krisis Kewangan Asia 1997;
- 96.2 Penggunaan dana dan/atau aset kerajaan untuk memberikan bantuan kewangan, menyelamatkan dan/atau "bail-out" kepada syarikat tempatan yang bergelut dan/atau bermasalah semasa Krisis Kewangan Asia 1997;
- 96.3 Layanan istimewa yang diberikan kepada syarikat-syarikat dan/atau personaliti perniagaan tempatan tertentu semasa Plaintiff menjadi Perdana Menteri dan/atau Menteri Kewangan;
- 96.4 Plaintiff menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk memberi manfaat kewangan dan/atau memperkayakan anak-anak dan/atau ahli keluarga dan/atau kroni-kroni beliau;

- 96.5 Plaintiff menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk mendapatkan peluang perniagaan dan/atau kontrak untuk anak-anak dan/atau ahli keluarga dan/atau kroni-kroni beliau;
- 96.6 Plaintiff menggunakan agenda Bumiputera untuk memberi manfaat kepada ahli keluarganya dan/atau personaliti perniagaan tertentu yang bersekutu ('aligned') dengan beliau;
- 96.7 Penggunaan sentimen-sentimen perkauman dan/atau agenda Melayu untuk melemahkan Kerajaan Perpaduan semasa;
- 96.8 Isu sentimen-sentimen perkauman dihasut oleh beberapa pihak dan/atau tokoh terkemuka yang mana berpotensi untuk memberi kesan yang menjurus kepada kontroversi awam dan masyarakat yang berpecah belah, seperti yang dipaparkan oleh pelbagai artikel media yang boleh didapati secara umum ('public available');
- 96.9 Tujuan dan benefisiari sebenar polisi-polisi Bumiputera dan/atau Melayu dahulu yang diperkenalkan oleh Plaintiff semasa beliau menjadi Perdana Menteri; dan

96.10 Punca sebenar kemerosotan ekonomi dan ketirisan dana awam Malaysia pada masa Plaintiff menjadi Perdana Menteri keempat Malaysia.

Butir-butir Fakta dan Perkara

di mana Komen-Komen tersebut Didasarkan

96.11 Defendan mengulangi perenggan-perenggan 28 hingga 28.10, 78.1 hingga 78.23, 82 dan 87.1 hingga 87.7 di atas.

97. Dalam premis tersebut, Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan merupakan komen yang adil (*'fair comment'*) dalam menyatakan pendapat bahawa:-

97.1 Plaintiff telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk memberi manfaat kewangan dan/atau memperkayakan anak-anak dan/atau ahli keluarga dan/atau kroni-kroni beliau;

97.2 Plaintiff telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk mendapatkan peluang perniagaan dan/atau kontrak untuk anak-anak dan/atau ahli keluarga dan/atau kroni-kroni beliau;

97.3 Plaintiff telah menggunakan agenda Bumiputera untuk memanfaatkan ahli keluarganya dan/atau personaliti perniagaan tertentu yang bersekutu dengan beliau; dan

97.4 Plaintiff menggunakan sentimen-sentimen perkauman dan agenda Melayu sebagai alat untuk menyerang dan/atau melemahkan kedudukan Plaintiff sebagai Perdana Menteri dan Kerajaan semasa.

98. Berdasarkan perkara-perkara di atas, Defendan menyatakan bahawa komen-komen beliau adalah komen yang boleh dibuat oleh orang yang berfikiran adil berdasarkan fakta-fakta dan / atau maklumat yang boleh didapati secara umum secara umum.

Perlindungan Bersyarat ('Qualified Privilege')

99. Selanjutnya dan secara alternatif, penerbitan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan adalah satu kejadian perlindungan bersyarat (*'occasion of qualified privilege'*).

100. Defendan memplidkan bahawa beliau mempunyai kewajipan undang-undang, sosial atau moral dan/atau kewajipan untuk menerbitkan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan kepada semua rakyat Malaysia dan orang umum secara am. Tambahan

pula, rakyat Malaysia dan orang ramai mempunyai kewajipan bersamaan terhadap penerbitan tersebut.

Butir-butir Perlindungan Bersyarat

- 100.1 Defendan adalah Perdana Menteri Malaysia dan Ahli Parlimen Tambun semasa;
- 100.2 Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan yang dinyatakan di Kongres Nasional Khas PKR, telah ditujukan kepada seluruh negara termasuk rakyat Malaysia dan mereka yang berada dalam kawasan pilihan raya parlimen Defendan;
- 100.3 Perkara-perkara berikut adalah isu-isu kepentingan awam dan/atau keprihatinan awam:-
 - (a) Penggunaan dana awam dan bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan semasa Krisis Kewangan Asia;
 - (b) Keadaan masyarakat Melayu dan punca yang sama;
 - (c) Pernyataan-pernyataan perkauman dan/atau serangan yang dibuat oleh Plaintiff sebagai bekas

Perdana Menteri terhadap Defendan dan/atau Kerajaan Persekutuan semasa;

(d) Percubaan-percubaan yang dibuat dan/atau disokong oleh Plaintiff untuk melemahkan Kerajaan Persekutuan semasa; dan

(e) Perenggan-perenggan 96.1 hingga 96.11 di atas adalah diulangi.

100.4 Defendan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengesahkan dan mengambil langkah yang cermat semasa menerbitkan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan. Defendan telah memperoleh maklumat tersebut daripada sumber yang boleh dipercayai dan maklumat yang tersedia kepada orang ramai, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan berita, artikel dan dokumen kewangan;

100.5 Orang umum berhak untuk dimaklumkan tentang perkara dan/atau fakta yang berkaitan isu-isu di atas kerana ia berkaitan dengan dan/atau menjejaskan penggunaan dana awam. Ia juga penting bagi tujuan memastikan kestabilan politik, ekonomi dan sosial;

100.6 Defendan mempunyai kewajipan undang-undang, moral dan/atau sosial atau kepentingan untuk menyatakan Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan. Dalam hal ini:-

- (a) Defendan adalah di bawah kewajipan undang-undang, moral dan sosial untuk menyatakan pandangannya mengenai perkara yang berkaitan dengan rakyat Malaysia dan orang umum secara am. Pada masa penerbitan itu, Defendan adalah Perdana Menteri yang telah bersumpah untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Sebagai Perdana Menteri negara yang berbilang kaum dan agama, beliau juga mempunyai tanggungjawab untuk mencegah sebarang perpecahan kaum atau agama yang boleh menggugat perpaduan di kalangan rakyat;
- (c) Selain itu, sebagai Perdana Menteri dan Ahli Parlimen, Defendan juga mempunyai kewajipan undang-undang, sosial dan moral untuk membalas serangan Plaintif terutamanya berkaitan dengan kemudaratan dan/atau penghinaan yang kononnya

terhadap masyarakat Melayu dan/atau Bumiputera oleh Kerajaan Persekutuan semasa;

- (d) Sebagai Perdana Menteri dan Ahli Parlimen yang dipilih, Defendan juga mempunyai kewajipan undang-undang, sosial dan moral untuk berbalas terhadap serangan Plaintiff dan memberi amaran kepada orang ramai tentang mereka yang menggunakan sentimen agama dan/atau perkauman untuk mencetuskan konflik, meminggirkan masyarakat tertentu, atau mendapatkan kuasa di bawah penyamaran patriotisme, perkauman dan agama, sebagai jalan terakhir untuk meraih sokongan.

100.7 Secara sama, orang awam dan/atau rakyat Malaysia atau pembayar cukai mempunyai kewajipan dan/atau kepentingan bersamaan yang sah untuk menerima dan/atau dimaklumkan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di atas, memandangkan ia juga merupakan perkara-perkara kepentingan nasional; dan

100.8 Defendan mengulangi perenggan-perenggan 28 hingga 28.10, 78.1 hingga 78.23, 82, 87.1 hingga 87.7 dan 96.1 hingga 96.11 di atas.

Defendan Merujuk kepada Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan

101. Tanpa prejudis kepada perkara di atas, Defendan selanjutnya menyatakan bahawa beliau berhak membuat Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan menurut Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan bersuara dan hak kebebasan bersuara.

Reputasi Plaintiff Masa Kini

102. Perenggan-perenggan 66 hingga 70 adalah dinafikan. Dalam hal ini, pembelaan di sini adalah diulangi. Defendan menyatakan bahawa reputasi dan kredibiliti Plaintiff telah dan akan diadili berdasarkan kelakuannya sendiri. Serangannya yang berniat jahat dan tidak berasas terhadap Kerajaan semasa yang dipimpin oleh Defendan dalam usaha untuk menebus dirinya secara politik dengan apa-apa kos, termasuk tetapi tidak terhad kepada menghasut gelora perkauman (*'racial turbulence'*) dan mejejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial, telah menyebabkan beliau tidak lagi dianggap sebagai orang yang boleh dipercayai.

103. Defendan seterusnya memplidkan bahawa Plaintiff telah menyebabkan kemusnahan reputasinya sendiri. Dalam hal ini:-

- 103.1 Plaintiff dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat pada Julai 1981 dan kekal berkuasa sehingga 2003 ("**Pentadbiran Plaintiff**"). Pentadbiran beliau mengambil jawatan ('took office') dengan slogan "*Bersih, Cekap, Amanah*" - bersih, cekap, boleh dipercayai.
- 103.2 Walau bagaimanapun, sebaliknya, Plaintiff telah mengakibatkan ('*engineered*') pertumbuhan budaya politik autoritarian. Pentadbiran Plaintiff telah dicemari dengan:-
- (a) Pelbagai skandal-skandal rasuah dan / atau kewangan;
 - (b) Beberapa cubaan berulang kali ('*Repeated efforts*') untuk menyekat kebebasan bersuara, mendiamkan akhbar dan mengekang pendapat politik yang berbeza terhadap pentadbiran jenis autoritarian Plaintiff; dan
 - (c) Serangan ke atas badan kehakiman Malaysia dan kedaulatan undang-undang.
- 103.3 Sebagai tambahan kepada butir-butir skandal yang telah dihidkan di atas, skandal-skandal dan/atau peristiwa-peristiwa lain yang mencemari Plaintiff

dan/atau Pentadbiran Plaintiff adalah, antara lain, seperti berikut:-

- (a) Amalan rasuah dan / atau tidak beretika yang dikenali secara meluas dalam domain awam sebagai *Skandal Timah Maminco*. Pada asasnya, skandal tersebut melibatkan skim yang tidak wajar dan tidak jujur untuk membeli harga timah melalui manipulasi pasaran niaga masa hadapan dan seterusnya, menyelindungi ('cover up') urusan tersebut;
- (b) Percubaan-percubaan untuk menutup amalan rasuah dan/atau tidak beretika yang dikenali secara meluas dalam domain awam sebagai skandal Bumiputra Malaysia Finance Limited ("**BMF**") yang kehilangan hampir RM1 bilion dalam pinjaman apabila pasaran hartanah Hong Kong runtuh;
- (c) Skandal pertukaran matawang asing pada tahun 1990-an. Pada asasnya, skandal ini berkaitan dengan kerugian kira-kira RM30 bilion yang dialami oleh Bank Negara Malaysia ("**BNM**") melalui perdagangan mata wang yang amat agresif, spekulatif dan/atau tidak wajar antara tahun 1988 dan 1992, yang dipercayai telah dijalankan dengan restu Pentadbiran

Plaintif dan/atau menurut persetujuan tersirat Plaintif;

- (d) Plaintif dan/atau Pentadbiran Plaintif juga dikaitkan dengan amalan rasuah dan/atau tidak wajar dalam *bailout* Konsortium Perkapalan Berhad ("**KPB**") seperti yang dijelaskan di atas;
- (e) Plaintif dan/atau Pentadbiran Plaintif seterusnya dikaitkan dengan pelbagai skandal-skandal kewangan dan/atau bailout lain yang melibatkan kroni-kroni berpolitik yang mengakibatkan Malaysia kehilangan berbilion ringgit. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) *skandal Projek Perwaja Steel* dan *skandal penswastaaan Lebuh raya Utara-Selatan*;
- (f) Pada setiap masa material, tiada percubaan ikhlas oleh Plaintif dan/atau pentadbirannya untuk menyiasat dan menangani kebimbangan orang ramai mengenai penyelewengan dan/atau penyalahgunaan dana awam;
- (g) Serangan ke atas badan kehakiman Malaysia dan kedaulatan undang-undang oleh Plaintif dan/atau Pentadbiran Plaintif di mana terdapat langkah-

langkah untuk menyerang dan/atau menjejaskan kebebasan badan kehakiman yang menjurus kepada penyingkiran Ketua Hakim Mahkamah Agung Malaysia pada ketika itu, Tun Mohamed Salleh Abbas dan lima Hakim Mahkamah Agung yang lain;

- (h) Percubaan-percubaan Plaintiff untuk menyerang dan/atau menyekat badan kehakiman Malaysia yang bebas telah didedahkan secara lanjut dalam apa yang dikenali secara meluas dalam domain awam sebagai skandal pita V. K. Lingam. Ini membawa kepada penubuhan 'Suruhanjaya Siasatan mengenai Rakaman Klip Video mengenai Imej Seseorang Yang Kononnya Dikatakan sebagai Peguambela dan Peguamcara yang bercakap di telefon mengenai perkara-perkara mengenai Pelantikan Hakim', di bawah pimpinan Tan Sri Dato' Seri Haidar bin Mohd Noor, yang telah menyerahkan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong pada 09.05.2008 yang membabitkan ('implicated') pentadbiran Plaintiff dan/atau individu yang dikaitkan dengan Plaintiff;
- (i) Pada tahun 2020, Plaintiff telah menggunakan amalan yang menipu dan/atau tidak jujur dan bertentangan dengan mandat rakyat seperti yang diberikan semasa

Pilihan Raya Umum 2018. Ini berlaku apabila beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri semasa pegangan kedua ('second tenure') beliau yang menyebabkan kerajaan yang tidak diundi diterajui oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri, dengan sokongan parti-parti yang bersekutu atau sebelum ini bersekutu dengan Plaintiff;

103.4 Pada Pilihan Raya Umum 2022, Plaintiff dan beberapa ahli parti politik baru yang dibentuknya iaitu Parti Pejuang Tanah Air Malaysia ("**Pejuang**") telah bertanding di beberapa kerusi untuk pilihan raya. Pejuang telah gagal untuk memenangi sebarang kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum tersebut walaupun bertanding sebanyak 125 kerusi. Malah, semua calon Pejuang telah hilang deposit mereka. Khususnya, berkenaan dengan Plaintiff:-

- (a) Plaintiff telah kalah dengan jumlah 20,897 undi kepada pemenang mutlak kerusi Parlimen Langkawi;
- (b) Plaintiff juga telah kehilangan depositnya untuk bertanding dalam pilihan raya umum; dan

- (c) Ini adalah kali pertama Plaintiff kalah dalam pilihan raya umum sejak tahun 1969 dan juga kali pertama beliau kehilangan depositnya.

103.5 Oleh itu, Defendan mengulangi bahawa sepanjang Pentadbiran Plaintiff, reputasi Plaintiff mengalami kemerosotan yang stabil seperti yang dapat dilihat di atas. Dalam hal ini, Pernyataan-Pernyataan Yang Dipertikaikan tidak dapat merendahkan dan/atau mengurangkan reputasi Plaintiff dalam fikiran ahli masyarakat yang berfikiran betul, terutamanya orang awam Malaysia.

104. Tambahan pula, Plaintiff tidak berhak kepada mana-mana relief yang dituntut dalam perenggan 70 Tuntutan tersebut. Defendan selanjutnya menyatakan bahawa Plaintiff tidak berhak untuk bergantung pada rasa malu yang kononnya dirasai oleh anak-anak dan/atau ahli keluarganya untuk mendapatkan relief-relief yang dituntut dalam perenggan 70 Tuntutan tersebut kerana mereka bukan pihak dalam tindakan ini.

105. Perenggan-perenggan 63 hingga 65 Tuntutan tersebut adalah diakui. Dalam hal ini, Defendan mengulangi pembelaan dan butir-butir yang dinyatakan di atas.

KESIMPULAN

106. Dalam keadaan ini, ia adalah dinafikan bahawa Plaintiff berhak kepada sebarang relief yang dipohon.
107. Kecuali di mana yang diakui secara nyata di sini, Defendan menafikan setiap dan semua perenggan yang terkandung dalam Tuntutan tersebut seolah-olah perkara yang sama telah dinyatakan di sini dan disangkalkan secara seriatim.
108. Oleh itu, Defendan memohon supaya Tuntutan tersebut ditolak dengan kos.

Bertarikh pada 14hb Jun, 2023.



Thomas Philip

Peguamcara Defendan

PEMBELAAN ini difailkan oleh **Thomas Philip**, peguamcara bagi pihak Defendan yang dinamakan di atas yang mempunyai alamat penyampaian di No. 5-1, Jalan 22A/70A, Wisma CKL, Desa Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.

No. Tel.: 03-6201 5678

No. Fax.: 03-6203 5678

[Ref No.: 16.5654]

TERJEMAHAN

TRANSLATION

TABLE OF CONTENTS

PRELIMINARIES	3
Introduction	3
MATERIAL BACKGROUND FACTS	3
The Parties	3
PKR Special National Congress 2023	5
Publication of the Impugned Statements	7
REFERENCE TO THE PLAINTIFF	8
ALLEGED IMPUTATION ARISING FROM THE IMPUGNED STATEMENTS	9
DEFENCES	10
Present Suit Filed by the Plaintiff for an Ulterior Motive – Abuse of Process	10
The Impugned Statements Are a Reply to An Attack by the Plaintiff	12
The Plaintiff’s Reputation Cannot Be Lowered	17
Justification	18
<i>Heading B and Paragraphs 18 to 21 of the Claim</i>	18
<i>Heading C and Paragraphs 22 – 26 of the Claim</i>	22
<i>(i) Bail-Out of KPB during the Asian Financial Crisis in 1997</i>	22
<i>(ii) Direct Awarding of Contract to Opcom Sdn Bhd</i>	29
<i>(iii) Awarding of Contract by Telekom to Opcom Cables Sdn Bhd</i>	32
<i>(iv) Fabrication Licence awarded to Kencana Petroleum Berhad..</i>	33
<i>(v) The Plaintiff’s Support and/or Encouragement of Cronyism</i> ...	35
Headings D and E, Paragraphs 27 to 33 and 34 to 39 of the Claim	48
Heading F, Paragraphs 40 to 45 and 46 to 49 of the Claim	52

<i>Heading H and I, Paragraphs 50 to 54 and 55 to 62 of the Claim</i>	55
Fair Comment	56
Qualified Privilege	59
The Defendant Relies on Article 10 of the Federal Constitution ..	63
The Plaintiff's Present Reputation	63
CONCLUSION	69

PRELIMINARIES

Introduction

1. This Defence is filed without prejudice to the Defendant's right to file any relevant interlocutory applications, including (but not limited to), an application to strike out the Plaintiff's Amended Writ and Amended Statement of Claim both dated 05.05.2023 (**the "Claim"**).

MATERIAL BACKGROUND FACTS

The Parties

2. Paragraphs 1 and 2 of the Claim are admitted.
3. The Plaintiff was formerly the fourth and seventh Prime Minister of Malaysia. In this regard, the Plaintiff's tenures as the Prime Minister took place during the following period:-
 - 3.1 As the fourth Prime Minister: 16.07.1981 to 30.10.2003; and
 - 3.2 As the seventh Prime Minister: 10.05.2018 to 24.02.2020.
4. The Plaintiff was also the former Minister of Finance of Malaysia from 02.09.1998 to 07.01.1999 and 05.06.2001 to 02.11.2003.

5. As the Minister of Finance during the period mentioned above, the Plaintiff was responsible for, amongst others, government revenue and expenditure, overseeing economic and fiscal policy, as well as monitoring the financial management of Ministries, government departments and statutory Bodies.

6. The Plaintiff was also the elected Member of Parliament for the following constituency during the period set out below:-
 - 6.1 Langkawi: May 2018 to October 2022;

 - 6.2 Kubang Pasu: August 1974 to March 2004; and

 - 6.3 Kota Setar Selatan: April 1964 to May 1969.

7. The Defendant is the current Prime Minister of Malaysia. He was appointed as Prime Minister by the Yang Di-Pertuan Agong on 24.11.2022.

8. The Defendant is also the current Member of Parliament for the constituency of Tambun. He has been an elected representative of the people and a Member of Parliament for approximately 40 years covering several different constituencies.

9. The Defendant was also formerly the Minister of Finance of Malaysia from 15.03.1991 to 02.09.1998. He also held the position of Deputy Prime Minister from 01.12.1993 to 02.09.1998.

PKR Special National Congress 2023

10. On 18.03.2023, a political party known as Parti Keadilan Rakyat (“**PKR**”) held an event known as “*Kongres Nasional Khas PKR 2023, Malaysia Madani: Pelaksanaan Sebuah Idealisme*” at Malawati Stadium, Shah Alam (**the “PKR Special National Congress”**).
11. During the PKR Special National Congress, the Defendant gave a speech in his capacity as the President of PKR, the Member of Parliament of Tambun and as Prime Minister, which was published live on the Defendant’s Facebook page and also PKR’s YouTube account (**the “Speech”**). In this regard, the Defendant made, amongst others, the following statements:-

“...Ada orang sekarang setelah 22 tahun campur 22 bulan jadi kuasa pegang kuasa sekarang mengeluh Melayu hilang segala-galanya. Hilang harta, hilang saham, hilang bagaimana tidak hilang kalau kamu bolot untuk keluarga kamu dan anak-anak kamu dan sekarang bila hilang kuasa bicara soal rakyat?”

Jangan perbodohkan rakyat. Rakyat harus bangkit mempertahankan hak mereka. Kumpulkan Tun-Tun, Tan Sri-Tan Sri, tauke-tauke besar, ini beberapa kerat orang sekarang merencana untuk menggugat, menggunakan sentimen kaum, mengajak orang-orang Melayu benci pada kaum-kaum lain menyatakan bahawa kuasa hilang. Kamu pegang tampuk kuasa termasuk kerajaan tiga tahun baru-baru ini, mana dia RUU355.

Mananya projek peningkatan dana untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah? Belanjawan tahun ini yang meningkatkan jumlah kewangan untuk Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Tentunya lebih untuk Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak ketinggalan dalam banyak bidang. Jadi saudara-saudara harus waspada patriotisme, racism, religious bigotry, combined are the last refuge of the scoundrel. Bila hilang kuasa, bila dicabar, bila takut dengan serangan SPRM, dan lembaga hasil dalam negeri. Kamu kaya berbillion-billion cukai tak mahu bayar. Bawa lari keluar negara dan minta saya jadi Perdana Menteri apa. Saya mahu jadi bengong biarkan ini dan kutip cukai daripada rakyat. Saya akan kutip cukai daripada rakyat, tapi saya tak akan lepaskan tauke-tauke dan maha kaya daripada membayar cukai...

(the statements underlined above are collectively referred to as the “**Impugned Statements**”)

12. On 27.03.2023, the Plaintiff’s solicitors issued a letter of demand to the Defendant stating, amongst others, that the Defendant has

defamed the Plaintiff through the publication of the Impugned Statements (**the “Letter of Demand”**).

13. On 17.04.2023, the Defendant’s Solicitors issued a reply stating that the Defendant will respond to all allegations as contained in the Letter of Demand in Court as the Defendant did not wish to litigate by correspondence.
14. On 03.05.2023, the Plaintiff filed the present action against the Defendant.

Publication of the Impugned Statements

15. Paragraph 4 of the Claim is admitted only to the extent that the Defendant delivered the Speech at the PKR Special National Congress and the same was published live on the Defendant’s Facebook page and also on PKR’s YouTube account.
16. Paragraph 5 of the Claim is denied. The Defendant states that the text pleaded by the Plaintiff therein is incorrect and/or inaccurate. The Plaintiff has also failed to plead the verbatim text of the Speech delivered by the Defendant.
17. The Defendant further states that the Impugned Statements must be viewed in the context of the Speech as a whole. The transcript

of the entire speech made by the Defendant during the PKR Special National Congress is appended as **Annexure A** to this Defence.

18. The Defendant has no knowledge of the matters stated in paragraph 6 of the Claim and puts the Plaintiff to strict proof. The Defendant also states that he is not responsible and/or liable for the republication of the Speech and/or Impugned Statements by third parties on social media or any other portals.

REFERENCE TO THE PLAINTIFF

